

**DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH**  
**DALAM NEGERI MELAKA**  
**KES MAL BIL : 04200-025-0019-2012**

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

PLAINTIF

DENGAN

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

DEFENDAN

Di hadapan Y.A Othman bin Ibrahim  
Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah Melaka

Pihak Plaintiff diwakili Peguam JBG  
Pihak Defendan tidak diwakili

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**Fakta kes**

Plaintif dan Defendan telah bercerai pada 20 Januari 2010. Hasil perkahwinan tersebut, mereka telah dikurniakan seorang anak bernama XXXXXX dan kini berumur 4 tahun. Pada 12 Mei 2010, Mahkamah Tinggi Syariah Melaka telah mengeluarkan perintah atas persetujuan kedua-dua pihak seperti berikut;-

- 1.Mahkamah perintahkan hadanah seorang anak bernama XXXXXX diberikan secara hakiki kepada pihak plaintiff sebagai ibunya.
- 2.Mahkamah perintahkan defendan(bapa) diberi akses yang berpatutan untuk melawat anak tersebut pada hari Selasa dan Jumaat.
- 3.Perintah ini hendaklah dipatuhi dan sekiranya ingkar pihak-pihak boleh dikenakan tindakan menghina Mahkamah dan boleh dipenjarakan.
- 4.Perintah ini berkuatkuasa serta merta.

Pihak bapa (Defendan) telah failkan ubah perintah seperti berikut:-

- 1.Hak hadanah anak tersebut diberikan kepada plaintiff selaku bapa dan hak lawatan serta bermalam kepada defendan pada masa yang sesuai dan munasabah.
- 2.Lain-lain relif yang difikirkan adil oleh Mahkamah dan;
- 3.Kos terhadap tindakan ini.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Peguam JBG telah berhujah bahawa setelah Mahkamah mendengar semua keterangan yang ada memang defenden telah hilang kelayakan seperti mana yang dijelaskan didalam seksyen 83 dan seksyen 84 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Melaka 2002.

Mahkamah juga akan merujuk kepada bidangkuasa asal Mahkamah didalam atau perkara mengubah perintah ini ,seksyen(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—

(b) dalam bidang kuasa *malnya*, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu ialah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan—

(i) pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan (*fasakh*), *nusyuz*, atau pemisahan kehakiman (*faraq*) atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan perhubungan antara suami dan isteri;

(ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);

(iii) nafkah orang-orang tanggungan,kesahtarafan,atau penjagaan atau jagaan(hadhanah)budak-budak;

Seksyen di atas secara jelas memperuntukan bidangkuasa untuk mahkamah memutuskan kes ini,walaupun tidak dinyatakan oleh pihak peguam tetapi Mahkamah menjelaskan had bidangkuasa tersebut supaya dapat difahami takat bidangkuasa mahkamah.

Hujahan peguam menyatakan defendan telah mengalami penyakit mental yang serius dan masih menerima rawatan di hospital Melaka sekarang ini.

Saksi SP(1) ibu kepada defendan telah mengakui memang benar anaknya mengalami sakit mental itu dan masih menerima rawatan tersebut tetapi cucu itu sekarang bersama beliau dan plaintif tidak dihalang untuk mengambil anaknya dan dikembali semula kepadanya. Saksi ini juga memohon beliau diberi hak jagaan itu kerana tidak mahu anaknya tertekan jika anaknya diberikan kepada plaintif.

Peguam seterusnya berhujah bahawa terpulang kepada mahkamah untuk memberi keputusan yang adil menurut Hukum Syarak kerana hadinah kepada defendan telah hilang.

Mahkamah bersetuju dengan hujahan pihak peguam kerana seksyen 82(2)menyatakan:

**82.** (1) Tertakluk kepada seksyen 83, ibu adalah yang paling berhak daripada segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan.

(2) Jika Mahkamah berpendapat bahawa ibu adalah hilang kelayakan di bawah Hukum Syarak daripada mempunyai hak terhadap *hadhanah* atau penjagaan anaknya, maka hak itu, tertakluk kepada subseksyen (3), hendaklah berpindah kepada salah seorang yang berikut mengikut susunan keutamaan yang berikut, iaitu—

- (a) nenek sebelah ibu hingga ke atas;
- (b) bapa;
- (c) nenek sebelah bapa hingga ke atas;
- (d) kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- (e) kakak atau adik perempuan seibu;
- (f) kakak atau adik perempuan sebapa;
- (g) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- (h) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu;
- (i) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan sebapa;
- (j) emak saudara sebelah ibu;
- (k) emak saudara sebelah bapa;

**83.** Seseorang yang mempunyai hak mendidik seseorang kanak-kanak, adalah berhak menjalankan hak terhadap *hadhanah* jika—

- (a) dia seorang Islam;
- (b) dia sempurna akal;
- (c) dia berumur yang melayakkan dia memberikan kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang diperlukan oleh kanak-kanak itu;
- (d) dia berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah; dan
- (e) dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.

Seksyen di atas secara nyata menjelaskan bahawa jika ibu telah hilang haknya sebagai Hadinah maka hak tersebut berpindah kepada nenek sebelah ibu yang masih lagi layak sebagai hadinah anak tersebut kemudian baru kepada bapa kanak-kanak tersebut.

Seksyen ini juga menjelaskan bahawa susunan tertib penjaga mestilah mengikut sepertimana dijelaskan diatas, bapa akan berhak jika nenek sebelah ibu juga hilang haknya tetapi menurut keterangan yang ada nenek tersebut masih sihat dan mampu untuk menjadi hadinah kepada kanak-kanak itu.

Adalah menjadi beban membuktikan kepada plantif jika beliau mengharapkan perintah tersebut memihak kepadanya. Asas kepada mahkamah adalah rujukan Hukum Syarak untuk lebih menjelaskan lagi hal ini diantaranya ialah:-

Seorang ulama Syed Sabiq didalam Kitabnya Fiqh As Sunnah jilid 8 ada menyatakan antara maksudnya :

*"Sesungguhnya setiap yang menjaga dan yang dijaga(anak) mempunyai hak didalam pemeliharaan tetapi hak yang dijaga(anak) lebih kuat dari hak yang dijaga."*

Menurut pandangan Syed Sabiq di atas, amat sesuai dengan seksyen diatas kerana kepentingan anak-anak seharusnya menjadi keutamaan sebab anak-anak akan membesar hasil usaha ibu bapa, anak-anak lemah didalam mencari nafkah bapa

sebagai pengawal anak wajib menyediakan semua keperluan anak dipenuhi kerana ianya menjamin masa depan anak tersebut.

Keadaan anak sekarang telah mendapat keselesaan daripada neneknya dan tidak wajar diganggu dan mungkin akan menimbulkan keadaan yang tidak sesuai kepada anak tersebut kerana didalam kes hadhanah anak akan diberi keutamaan daripada hak bapa dan ibu,lagipun bapa sekarang ini telah dapat diambil seperti yang diperintahkan dan pada pandangan Mahkamah hak bapa telahpun dilaksanakan dengan sewajarnya.

Menurut pandangan Mazhab Shafie r.a terdapat 7 syarat yang membolehkan seseorang itu menjadi pengasuh atau hadinah iaitu;-

- 1.Berakal,ini bererti orang gila tidak layak menjadi pengasuh kecuali gilanya jarang berlaku dan dalam tempuh yang sedikit sahaja seperti sehari didalam setahun.
- 2.Merdeka,ini bererti orang yang menjagi hamba kepada orang lain tidak layak menjadi pengasuh kepada anaknya.
- 3.Beragama Islam.yang bererti orang kafir tidak mempunyai hak pengasuh kepada anaknya yang beragama islam.
- 4.Yang dapat menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang haram dalam agama,seperti minum yang memabukkan,meninggalkan solat yang wajib,ini bererti orang fasiq tidak berhak menjadi pengasuh kerana perkara agama diabaikan.
- 5.Orang yang amanah atau dipercayai yang berti orang yang tidak dapat dipercayai atau khainat tidak berhak kepadanya sebagai pengasuh.
- 6.Orang yang tetap didalam negeri anak yang diasuh itu.
- 7.Keadaan ibu sianak itu tidak berkahwin lagi kecuali dengan orang yang muhirm dengan anak itu.

Kebanyakan para ulama bersetuju tentang syarat diatas walaupun terdapat beberapa perselisihan antara mereka seperti agama,tidak berkahwin,tidak terlalu tua dan sebagainya.

Apa yang paling mustahak ialah adalah kerana perempuan mempunyai sifat sabar dan kasih sayang kepada anak kecil,walaupun mungkin terdapat keadaan sekarang terdapat berbagai cabaran lain yang menuntut kita semua lebih berhati-hati didalam menentukan hadanah tersebut.

Didalam Kitab Kifayatul Akhyar jilid 2.m.s 284 ada dinyatakan:

*"Ketahuilah bahawa hukum nenek sebelah ibu berserta bapa atau datuk adalah dihukumkan ibu,jika bertembung sesama perempuan wajib didahulukan ibunya kemudian nenek sebelah ibu."*

Nas ini adalah sesuai dengan kes yang ada dihadapan Mahkamah ini kerana keterangan yang ada diMahkamah menunjukkan ibu hilang kelayakannya sebagai hadinah kerana sakit mental dan sudah tentu kepada nenek sebelah ibu kerana nenek tersebut masih sihat dan selama ini dialah yang menjaga dan mengurus anak cucu tersebut dan hak plaintif tidak pernah diabaikan dan dibenarkan untuk mengambil anak dan bermalam bersama plaintif.

Mahkamah berpandangan tidak wajar memisah-misahkan penjagaan kerana anak tersebut sekarang didalam keadaan selesa dan tidak wajar mahkamah mengganggu keadaan itu.

Di dalam kes Rayuan Nooranita bt.Kamaruddin Lwn Faeiz (JH jld V11 bhg 1 (1990) Mahkamah Rayuan Selangor telah memutuskan anak diberikan kepada bapa dengan menyata "*Fakta utama dalam semua kes-kes Hadhanah, menurut Hukum Syarak ialah hak anak yang dipelihara mesti diutamakan dari hak yang memelihara, oleh kerana pokok dan tujuan hadhanah adalah muslihat dan kebajikan pihak yang memelihara.*"

Kes ini adalah kes yang tidak memihak kepada ibu kerana kelewatan untuk Mahkamah Rayuan mendengar rayuan disebabkan anak telah tinggal hampir 5 tahun bersama bapanya dan Mahkamah berpendapat sedemikian kerana tidak akan mengganggu hak anak tersebut.

Kes ini juga menguatkan lagi hujahan diatas bahawa anak adalah satu keutamaan didalam setiap kes hadanah kerana masalah itu wajib diutamakan kerana anak yang akan mendapat haknya jika hadinah adalah pemegang amanah yang menjalankan tanggungjawab seperti apa yang dijelaskan oleh nas-nas yang telah disebutkan tadi.

Didalam Kitab Al Muhazzab ,zujuk 2,Bhg 1.m.s 765 cetakan JAHABERSA 2002 ada dinyatakan “ Misalnya ada beberapa wanita yang berhak melakukan pengasuhan berkumpul,maka ibu lebih berhak berbanding wanita lain.Dalam sebuah Hadith yang diriwayatkan Abdullah bin Amr bin Al-Ash,Rasullah S.A.W telah bersabda:

*“Kamu lebih berhak untuk mengasuhnya selama kamu tidak berkahwin.”*

Disamping itu,kerana ibu merupakan orang paling dekat dan paling sayang kepada anaknya sendiri.Kemudian barulah berpindah kepada kelompok ibu yang berhak menjadi waris,kerana mereka mempunyai potensi yang sama dalam hal peranakan dan hak waris.Mereka yang mempunyai hubungan persaudaraan lebih dekat lebih didahulukan dan seterusnya,nenek dari ibu ini pun lebih didahulukan berbanding nenek dari garis bapa ,meskipun mempunyai hubungan yang rapat disebabkan factor peranakannya dan mempunyai hak waris yang dekat.

Nas kitab diatas amat tepat dengan kes dihadapan mahkamah ini kerana keterangan yang ada menunjukkan ibu telah hilang kelayakannya sebagai hadinah kepada anaknya dan akan berpindah kepada nenek sebelah ibu yang mempunyai ikatan yang kuat daripada rasa kasih sayang dan waris yang masih berhak keatas anak tersebut.

Plaintif sebagai bapa masih mempunyai peranan sebagai pengawas untuk memastikan anak yang berada bersama neneknya mendapat perhatian yang baik dan sebab itu ases

yang munasabah wajar diberikan dan hak bermalam dan bermesra dengan anak itu dipertimbangkan oleh Mahkamah ini.

Di dalam kes Ahmad Lwn Aishah (M.S 55 JH1401H)

Mahkamah Rayuan Kelantan telah memutuskan bahawa nenek sebelah ibu lebih kuat daripada bapa dan juga kebajikan anak tersebut. Mahkamah Rayuan telah bersetuju dengan mahkamah Kadi ketika itu telah memutuskan hadanah anak diberikan kepada nenek sebelah ibu daripada bapanya sebagai plaintif berdasarkan masalah anak tersebut. Rujukan dibuat berdasarkan sebuah Hadith yang bermaksud "Seorang ibu itu lebih bersifat penyayang, lemah lembut, pengasih, simpati, baik, kasihan belas dan ibu adalah orang yang lebih berhak menjaga anaknya selama mana ianya belum bersuami lain."

Rujukan juga dibuat berdasarkan Kitab I'at-U-Talibin juzuk 4 M.S 10 yang bermaksud "Dan orang lebih berhak menjaga kanak-kanak ialah seorang ibu yang belum bersuami lain."

Dijelaskan juga satu hadith Umar Al Qattab R.h telah berkahwin dengan seorang perempuan Ansar dan dikurniakan seorang anak bernama Aasim, setelah bercerai Aasim itu telah tinggal dalam jagaan neneknya sebelah ibunya di Quba. Semasa Umar datang ke Quba mengambil Aasim yang sedang bermain di halaman masjid maka neneknya itu telah menghalang Umar dan mengatakan anak itu dia lebih berhak menjaganya.

Setelah berlaku perselisihan itu mereka berdua telah mengadap Saidina Abu Bakar r.a lalu masing-masing mendakwa ianya lebih berhak menjaga Aasim. Saidina Abu Bakar r.a telah memutuskan nenek Aasim lebih berhak daripada bapanya. Umar r.a pun menerima hukuman itu tanpa apa-apa bantahan walaupun pada masa itu ia berpendapat dia sebagai bapa lebih berhak daripada nenek sebelah ibu kanak-kanak itu, tetapi setelah beliau menjadi Khalifah beliau memberi fatwa berpendapat sama seperti Saidina Abu Bakar r.a jika kanak-kanak yang dipertikaikan itu belum mumaiyiz.

Di dalam kes Wan Abdul Aziz Lwn Siti Aishah (2) m.s 50 JH 1401H.

Mahkamah Rayuan Kelantan juga telah memutuskan bahawa kanak-kanak yang telah mumaiyiz telah memilik untuk tinggal dengan nenek sebelah ibunya dengan alasan berpanduan nas kitab diatas tadi "Sesungguhnya setiap yang memelihara dan yang dipelihara mempunyai hak didalam pemeliharaan (Hadhnah) tetapi hak yang dipelihara adalah lebih kuat (utama) dari hak yang memelihara dan yang telah diterangkan oleh Ibnu Qudamah dengan katanya bermaksud "Adapun sabitnya hadhanah (pemeliharaan) adalah menentukan nasib (kepentingan) kanak-kanak itu."

Dua kes diatas secara jelasnya telah memutuskan hadanah anak adalah berpihak kepada nenek sebelah ibu jika ibu hilang atau kanak-kanak itu membuat pilihan menentukan siapakan yang patut menjadi hadinahnya.

Pandangan Mahkamah Rayuan diatas adalah bertepatan dengan seksyen 82(2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002 kerana mengikut tertib siapakah yang lebih berhak sebagai hadinah seorang kanak-kanak.

Makamah ini juga bersepedapat dengan Mahkamah Rayuan Kelantan kerana kes yang berlaku dihadapan Mahkamah mempunyai fakta yang sama dan sesuai digunakan serta menepati kehendak Hukum Syarak yang dilaksanakan di Negeri Melaka ini.

Atas alasan-alasan Undang-Undang dan Hukum Syarak diatas Mahkamah membuat keputusan seperti berikut :-

- 1.Hadanah seorang kanak-kanak bernama Muhammad Aniq Zakwan bin Naziman umur 4 tahun diserahkan kepada nenek sebelah ibu.
- 2.Plaintif sebagai bapa diberi hak melawat pada setiap masa yang munasabah pada setiap Sabtu dan Ahad dengan memaklumkan terlebih dulu kepada penjaganya.
- 3.Hak untuk mengambil anak tersebut diberikan pada setiap Sabtu dan Ahad setiap minggu dan dikembalikan semula kepada neneknya sebelum jam 6.00 petang Ahad.
4. Cuti persekolahan  $\frac{1}{2}$  bahagian diantara bapa dengan nenek dan dimaklumkan terlebih dulu kepada penjaganya sebelum urusan untuk mengambil kanak-kanak itu dibuat.
- 5.Perintah Mahkamah bertarikh 12/5/2010 dibatalkan.

t.t hakim.